

26/11/1999

SMEAv yakin jual 40 helikopter Russia

SUBANG, Khamis - SME Aviation Sdn Bhd (SMEAv) yakin dapat menjual kira-kira 40 helikopter Mi-171 buatan Russia untuk pasaran Asia Tenggara dalam tempoh lima tahun akan datang, kata Ketua Eksekutifnya, Lt Kol (B) Mohamed Tarmizi Ahmad.

Beliau berkata, SMEAv yang juga pengedar helikopter berkenaan di rantau ini, sedang berbincang dengan beberapa pelanggan berpotensi.

"Kebanyakan pembeli berkenaan mahu menggunakan helikopter terbabit untuk pengangkutan dan pembalakan," katanya kepada pemberita di ibu pejabat SMEAv di sini, hari ini.

Terdahulu, beliau memberi taklimat mengenai helikopter kombatan Mi-8AMTSh, variasi perang Mi-171 serta pesawat pelatih/gempur Su-25UB. Demonstrasi khas turut diadakan menggunakan helikopter berkenaan.

Pesawat itu dibawa khas ke Malaysia untuk menyertai Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi 1999 (Lima 99) yang akan bermula Selasa depan.

Mohamed Tarmizi berkata, SMEAv sedang berbincang dengan UUAP ke arah mewujudkan kemudahan pemasaran dan sokongan bagi helikopter Mi-171 di kawasan Asia Tenggara.

Beliau berkata, ia termasuk penjualan helikopter yang siap dipasang termasuk modifikasi dan naik taraf berdasarkan keperluan pelanggan serta proses penyelenggaraan selepas penjualan.

"Program helikopter Mi-171 secara bersama oleh Malaysia dan Russia itu adalah langkah positif ke arah membangunkan industri aeroangkasa yang berjaya di negara ini," katanya.

Helikopter pelbagai guna Mi-171 dikeluarkan oleh Pusat Penerbangan Ulan Ude (UUAP) yang ditubuhkan pada 1939, yang juga antara pengeluar pesawat utama di Russia. Selain Mi-171, model lain yang dihasilkan termasuk Yakolev Yak-3, Mikoyan, MiG-15, MiG-27 dan Kamov Ka-15/18/25.

Ogos lalu, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika melawat Wilayah Ulan Ude di Russia, menawarkan untuk menjual helikopter buatan negara itu di Asia Tenggara berikutan potensi pasaran helikopter berkenaan yang amat besar.

(END)